

19/05/2001

Kumpulan terpelajar perlu perjas Islam sebenar

JOHOR BAHRU, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta golongan terpelajar supaya memberi penjelasan mengenai ajaran Islam sebenar kepada ummah.

Perdana Menteri berkata, ini penting kerana ramai umat Islam yang sudah terpengaruh dengan politik yang suka mengelirukan soal agama, sehingga ada sanggup lari daripada ajaran Islam.

Beliau berkata, jika golongan terpelajar dapat melaksanakan tanggungjawab mereka bermakna golongan yang terkeliru mengenai agama Islam dapat dibangunkan bersama.

"Untuk membangun, kita perlu bermacam-macam kebolehan. Bahkan, kita perlu mencari harta benda, bukan kerana nak berlagak tetapi cukup kekayaan untuk membiayai bermacam-macam kegiatan yang diperlukan umat," katanya merasmikan Seminar Pembangunan Ummah dan Pelancaran Email Johor Darul Takzim di Hotel Puteri Pan Pacific di sini, malam ini.

Turut hadir isteri Perdana Menteri, Datin Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, menteri Kabinet dan pemimpin tempatan.

Seminar itu dianjurkan Kerajaan Johor dengan kerjasama Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

Perdana Menteri berkata, umat Islam yang dikelirukan parti politik berfikiran Barat yang menggunakan Islam untuk menghalalkan perbuatan tidak baik itulah sebenarnya yang merosakkan ummah.

Dr Mahathir berkata, hanya kerana ingin mendapat sokongan, golongan itu sanggup memperalatkan Islam.

"Bukan saja itu, malah mereka sanggup memutarbelitkan tafsiran.

"Akibatnya, orang Islam bermusuhan sesama sendiri dan keadaan itu tidak mendatangkan sebarang kebaikan kepada ummah," katanya.

Perdana Menteri berkata, paling menyedihkan ialah parti politik itu turut menjadikan majlis agama seperti qiamulail, kuliah subuh dan tazkirah untuk menanam politik benci di kalangan pelajar.

Ini sebenarnya, kata beliau, akan hanya menghalang umat Islam mencapai kejayaan cemerlang dalam pendidikan.

"Mereka berasa bahawa tidak mengapa kalau tidak berjaya dalam bidang lain kerana ia bukan Islam. Kalau mereka belajar sains kejuruteraan, ilmu itu dapat membolehkan mereka membuat sesuatu untuk pertahankan umat Islam. Kalau tak belajar ilmu ini, maka umat Islam akan menjadi daif dan lemah, tak dapat melindungi umat," katanya.

Dr Mahathir berkata, tafsiran yang dikemukakan dengan jelas menampilkan golongan terbabit cuba menyempitkan Islam, seolah-olah ia hanya terhad kepada berbuat ibadah dan yang lain tidak perlu.

Islam sebenarnya, kata Perdana Menteri, banyak memberi kelonggaran tetapi umat Islam sendiri yang tidak suka kepada kelonggaran dan menjadikan ia sebagai beban untuk menunjuk betapa kuatnya keimanan mereka.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berharap seminar yang diadakan itu dapat membincangkan secara terbuka masalah yang dihadapi umat dan apa yang perlu dibuat.

(END)